



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM AKTIVITI PEMBELAJARAN DI
RUMAH DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
MURID DI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN***

IRMA YANTI BINTI MAHAMUD

FPP 2017 17



**PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM AKTIVITI PEMBELAJARAN DI
RUMAH DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
MURID DI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN**

Oleh

IRMA YANTI BINTI MAHAMUD

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Julai 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM AKTIVITI PEMBELAJARAN DI
RUMAH DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
MURID DI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN**

Oleh

IRMA YANTI BINTI MAHAMUD

Julai 2017

Pengerusi : Norlizah binti Che Hassan, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Ibu bapa berperanan sebagai rakan sekolah dalam meningkatkan keberhasilan serta memastikan pembelajaran berkualiti anak mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah, mengenalpasti tahap pencapaian akademik murid, mengenalpasti perbezaan penglibatan ibu bapa berdasarkan lokasi kediaman, taraf pendidikan tertinggi ibu bapa, jumlah pendapatan ibu bapa, jenis pekerjaan ibu bapa dan menentukan hubungannya ke atas pencapaian akademik murid. Kajian ini dijalankan di lima buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di empat daerah di Negeri Sembilan. Teknik persampelan rawak berkelompok telah digunakan untuk mengenalpasti 227 responden yang terdiri daripada murid tingkatan empat. Instrumen kajian yang digunakan adalah ubahsuai daripada Kajian Keberkesanan Buku Sarana Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Murid dan Indeks Persepsi Murid Terhadap Program Sahsiah Unggul Murid 2013. Darjah kebolehpercayaan (*cronbach alpha*) bagi keseluruhan instrumen adalah .942. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai manakala analisis statistik inferens pula digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah menunjukkan tahap yang tinggi ($M=3.86$, $SP=0.62$). Namun demikian, bagi komponen komunikasi anak dengan ibu bapa ($M=3.52$, $SP=0.80$) dan sokongan ibu bapa terhadap kecemerlangan anak ($M=3.64$, $SP=0.76$) menunjukkan tahap yang sederhana. Hasil Ujian-t Tidak Bersandar dan Anova Sehala digunakan untuk mencari perbezaan penglibatan ibu bapa berdasarkan lokasi kediaman, taraf pendidikan tertinggi ibu dan bapa, jumlah pendapatan ibu bapa dan jenis pekerjaan ibu dan bapa. Dapatan menunjukkan wujudnya perbezaan penglibatan ibu bapa secara signifikan berdasarkan taraf pendidikan tertinggi ibu, jumlah pendapatan ibu bapa dan juga jenis pekerjaan bapa manakala item yang lain tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan.

Hasil analisis statistik inferens ini telah menerima empat daripada tujuh hipotesis yang dicadangkan. Keputusan analisis korelasi pula menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik murid ($r = 0.058$, $p = 0.386$). Kajian ini sekaligus memberi maklumat dan gambaran awal trend status penglibatan ibu bapa melalui pelaksanaan Sarana Ibu Bapa di bawah Anjakan Ke Sembilan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Science

**RELATIONSHIP BETWEEN THE ACADEMIC PERFORMANCE OF
STUDENTS IN RELIGIOUS GOVERNMENT-AFFILIATED SCHOOLS
AND THE EXTENT OF PARENTS' INVOLVEMENT IN THEIR
CHILDREN'S SELF-STUDY**

By

IRMA YANTI BINTI MAHAMUD

July 2017

Chairman : Norlizah binti Che Hassan, PhD
Faculty : Educational Studies

Parents' roles as the school's partner in increasing the output as well as the quality learning for their children. The study purposes is to identify the parents' involvement in their children's learning process at home, identify the students' academic achievement, identify the parents' involvement based on the residential area location, the parents' highest education level, the total income of the parents, types of parents' occupations and this will justify its relation to students' academic achievement. This study had been conducted in Religious Government-Affiliated Schools in four districts in Negeri Sembilan. The random sampling technique had been used to identify 227 respondents, which involved the form four students. The instrument that had been used was the adaptation from the *Kajian Keberkesanan Buku Sarana Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Murid* and *Indeks Persepsi Murid Terhadap Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR)* 2013. The Cronbach Alpha for the whole instruments that been used is, .942. The descriptive analysis that been used to analyse the frequency, percentage, min, and standard deviation. The findings of the study shown that as a whole, the level of involvement of the parents in learning process at home resulted the high level ($M=3.86$, $SP=0.62$). However, for the communication component between the students and the parents ($M=3.52$, $SP=0.80$) and the parents' supports towards the good achievement of the students ($M=3.64$, $SP=0.76$) shown the medium level of involvement. The findings also shown there is a difference between the parents' involvement in the students' learning process based on the highest education level of the mothers, the total income of the parents, and the type of fathers' profession and other items did not show any significance in differences. The results of these inferential statistics have received four of the seven proposed hypotheses. The correlation analysis shown that there is no significance in the relationship between the involvement of the parents with the academic achievement of the students ($r = 0.058$, $p = 0.386$). This study

also provides the information and the earlier picture of the parents' involvement status' trend through the *Sarana Ibu Bapa* Programme, under the *Anjakan Ke Sembilan* in *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.



PENGHARGAAN



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Segala puji bagi Allah (S.W.T) Yang Maha Bijaksana dan juga selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad (S.A.W).

Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia Dr. Norlizah binti Che Hassan dan Dr. Fathiyah binti Mohd Fakhruddin yang bersama-sama menyumbang tugas penyeliaan dalam memberikan idea yang bernas, pandangan, sokongan dan bimbingan yang padu kepada penyelidik sehingga selesainya kajian dan penulisan ini. Tidak lupa juga buat semua pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan terutamanya Jabatan Asas Pendidikan di atas segala curahan ilmu yang sangat bermanfaat dan bermakna.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Sektor Pendidikan Islam, JPNS dan sekolah-sekolah SABK di Negeri Sembilan yang sudi bekerjasama dalam memberikan maklumat sepanjang penyelidik menjalankan kajian. Begitu juga buat rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa berkongsi ilmu dan saling menyokong antara satu sama lain demi kejayaan bersama.

Penghargaan teristimewa buat suami tercinta, En. Mohd Fadli Azmin bin Mohd Ali kerana restu, doa, sokongan, bantuan dan segalanya bermula daripada keazamannya untuk melihat penyelidik menjadi seorang yang hebat di matanya. Segala pengorbanan wang, masa, tenaga dan setiap lontaran kata-kata semangat kepada penyelidik tetap terpahat di sanubari. Istimewa buat puteri-puteri tercinta yang sentiasa menyuntik kata-kata semangat dan sabar melihat dugaan dan cabaran perjalanan penyelidik sepanjang menyiapkan kajian dan penulisan ini. Terima kasih Nur Elissa Sofea, Nur Elissa Batrisyia, Nur Elissa Zarith Al Zahra dan Nur Elissa Dania Qalesya. Buat ayah dan bonda, terima kasih di atas doa restu kalian berdua.

Terima kasih semua.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 20 April 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Irma Yanti binti Mahamud bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Penglibatan Ibu Bapa dalam Aktiviti Pembelajaran di Rumah dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Murid di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Dato' Norhasni binti Zainal Abidin, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Hj. Jamaludin bin Ahmad, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Zahari Ishak, PhD

Profesor Madya

Universiti Malaya

Malaysia

(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 4 September 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Norlizah binti Che Hassan, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Fathiyah binti Mohd Fakhruddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik : Irma Yanti Binti Mahamud , GS39063

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Norlizah binti Che Hassan

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Fathiyah binti Mohd Fakhruddin

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xviii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Hipotesis	9
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	9
1.8	Kepentingan Kajian	10
1.9	Skop dan Batasan Kajian	12
1.10	Definisi Konseptual dan Operasional	12
1.10.1	Persepsi	12
1.10.2	Penglibatan Ibu Bapa	13
1.10.3	Aktiviti Pembelajaran	13
1.10.4	Status Sosioekonomi	13
1.10.5	Pencapaian Akademik Murid	14
1.11	Rumusan	15
2	TINJAUAN LITERATUR	16
2.1	Pendahuluan	16
2.2	Pendekatan Teori	16
2.2.1	Teori Penglibatan Ibu Bapa Epstein	17
2.2.2	Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1963)	21
2.2.3	Falsafah Pendidikan Al-Ghazali	23
2.3	Kajian-kajian Terdahulu	24
2.3.1	Penglibatan Ibu Bapa	24
2.3.2	Penyediaan Suasana Pembelajaran Di Rumah (PSPDR)	27
2.3.3	Komunikasi Dan Interaksi Sosial Anak Dengan Ibu Bapa (KADIB & ISADIB)	28
2.3.4	Sokongan Ibu Bapa Terhadap Kecemerlangan Anak (SIBTKA)	30
2.3.5	Pengisian Akhlak Dan Kerohanian (PADK)	32

2.3.6	Faktor Status Sosioekonomi dan Penglibatan Ibu Bapa	35
2.3.7	Rumusan	44
3	METODOLOGI	46
3.1	Pendahuluan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	46
3.2.1	Kaedah Pengumpulan Data Primer	47
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	47
3.3.1	Formula Pengiraan Saiz Sampel Kajian Krejcie dan Morgan (1970)	49
3.3.2	Formula Pengiraan Sampel Kajian Cochran (1977)	50
3.4	Pembinaan Instrumen Kajian	51
3.5	Kesahan Instrumen Kajian	54
3.6	Kajian Rintis Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	54
3.7	Prosedur Kajian	56
3.8	Tatacara Penganalisan Data	56
3.9	Analisis Statistik Deskriptif	57
3.10	Analisis Statistik Inferensi	58
3.11	Normaliti Data	59
3.12	Rumusan	62
4	DAPATAN KAJIAN	63
4.1	Pendahuluan	63
4.2	Profil Responden Kajian	63
4.2.1	Lokasi Kediaman	63
4.2.2	Taraf Pendidikan Tertinggi Bapa/Penjaga	64
4.2.3	Taraf Pendidikan Tertinggi Ibu	64
4.2.4	Jumlah Pendapatan Ibu Bapa	65
4.2.5	Jumlah Pekerjaan Bapa	66
4.2.6	Jumlah Pekerjaan Ibu	66
4.3	Analisis Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian	67
4.3.1	Persoalan Kajian 1 :	67
4.3.2	Persoalan Kajian 2 :	73
4.3.3	Persoalan Kajian 3 :	74
4.3.4	Persoalan Kajian 4 :	75
4.3.5	Persoalan Kajian 5 :	79
4.3.6	Persoalan Kajian 6 :	81
4.3.7	Persoalan Kajian 7 :	84
4.4	Rumusan	85
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN	86
5.1	Rumusan Kajian	86
5.2	Perbincangan Kajian	86
5.3	Implikasi Kajian	100
5.3.1	Penambahbaikan Amalan dan Memantapkan Bidang Kajian Berkaitan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Anak di Rumah	100
5.3.2	Penggubal Dasar	104

5.4	Cadangan Kajian	105
5.4.1	Cadangan Kajian Lanjutan	105
5.5	Penutup	106
BIBLIOGRAFI		108
LAMPIRAN		118
BIODATA PELAJAR		128



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Statistik Enrolemen Murid SABK dan SMKA Negeri Sembilan 2010 –2015	5
1.2 Interpretasi Nilai Bagi Gred PT3	14
1.3 Penentuan Tahap Pencapaian Akademik Murid Berdasarkan Keputusan PT3 2014	14
3.1 Statistik Bilangan Murid Tingkatan Empat SABK Di Negeri Sembilan 2015	48
3.2 Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	49
3.3 Agihan Bahagian Dalam Instrumen Kajian	53
3.4 <i>Cronbach Alpha</i> Instrumen Kajian	55
3.5 Analisis Statistik Bagi Persoalan Kajian	57
3.6 Interpretasi Skor Min Tiga Tahap Markat	58
3.7 Tingkat Hubungan Antara Dua Pembolehubah (Indeks Korelasi)	59
3.8 Statistik Skewness Dan Kurtosis Bagi Taburan Data Penglibatan Ibu Bapa	60
4.1 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Lokasi Kediaman	63
4.2 Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan Tertinggi Bapa/Penjaga	64
4.3 Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan Tertinggi Ibu	65
4.4 Taburan Responden Mengikut Jumlah Pendapatan Ibu Bapa	65
4.5 Taburan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan Bapa/Penjaga	66
4.6 Taburan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan Ibu	67

4.7	Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Anak Di Rumah	67
4.8	Tahap Penyediaan Suasana Pembelajaran Di Rumah	68
4.9	Tahap Interaksi Sosial Anak Dengan Ibu Bapa	69
4.10	Tahap Komunikasi Anak Dengan Ibu Bapa	70
4.11	Tahap Sokongan Ibu Bapa Terhadap Kecemerlangan Anak	71
4.12	Tahap Pengisian Akhlak Dan Kerohanian	73
4.13	Keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) 2014	74
4.14	Keputusan Analisis Ujian-t Tidak Bersandar Perbezaan Lokasi Kediaman	75
4.15	Taburan Taraf Pendidikan Tertinggi Bapa/Penjaga	76
4.16	Ujian Kehomogenan Varians Penglibatan Ibu Bapa	76
4.17	Ujian Anova Taraf Pendidikan Tertinggi Bapa/Penjaga	76
4.18	Taburan Taraf Pendidikan Tertinggi Ibu	77
4.19	Ujian Kehomogenan Varians	77
4.20	Ujian Anova Taraf Pendidikan Tertinggi Ibu Responden	77
4.21	Analisis Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Taraf Pendidikan Tertinggi Ibu	78
4.22	Taburan Jumlah Pendapatan Ibu Bapa	79
4.23	Ujian Kehomogenan Varians	79
4.24	Ujian Anova Jumlah Pendapatan Ibu Bapa Responden	80
4.25	Analisis Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Jumlah Pendapatan Ibu Bapa Dengan Lima Komponen Penglibatan	80
4.26	Taburan Jenis Pekerjaan Bapa/Penjaga Responden	81
4.27	Ujian Kehomogenan Varians	82
4.28	Robust Tests of Equality of Means	82

4.29	Ujian Anova Jenis Pekerjaan Bapa/Penjaga Responden	82
4.30	Analisis Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Jenis Pekerjaan Bapa/Penjaga Responden	82
4.31	Taburan Jenis Pekerjaan Ibu	83
4.32	Ujian Kehomogenan Varians	83
4.33	Ujian Anova Jenis Pekerjaan Ibu	84
4.34	Analisi Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa Dan Pencapaian Akademik	85



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual Persepsi Murid Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Anak Di Rumah Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik.	10
2.1 Kerangka Teoritikal Kajian	17
2.2 Model <i>Overlapping Sphere of Influence</i> oleh Epstein	18
3.1 Frekuensi Taburan Data Penglibatan Ibu Bapa	60
3.2 Normaliti Q-Q Plot Bagi Penglibatan Ibu Bapa	61
3.3 Boxplot Bagi Penglibatan Ibu Bapa	61

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Instrumen Kajian	118
B Surat Pengesahan Pelajar	123
C Surat Kebenaran Mendapatkan Maklumat Dan Menjalankan Penyelidikan	124
D Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Oleh Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	125
E Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan	126
F Surat Kebenaran Menggunakan Instrumen	127

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PISA	<i>Programme For International Student Assessment</i>
OECD	<i>Organisation For Economic Cooperation And Development</i>
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SAN	Sekolah Agama Negeri
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPI	Sektor Pendidikan Islam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
SUMUR	Sahsiah Unggul Murid
JAPIM	Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral
GTP	Program Transformasi Kerajaan
PSPDR	Penyediaan Suasana Pembelajaran Di Rumah
ISADIB	Interaksi Sosial Anak Dengan Ibu Bapa
KADIB	Komunikasi Anak Dengan Ibu Bapa
SIBTKA	Sokongan Ibu Bapa Terhadap Kecemerlangan Anak
PADK	Pengisian Akhlak Dan Kerohanian
SMA	Sekolah Menengah Agama
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
EPRD	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

KPP	Kajian Keperluan Pelajar
SEM	<i>Structural Equation Modeling</i>
SILL	<i>Strategies Learning Language</i>
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
ILP	Institusi Latihan Perguruan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang melibatkan peranan pihak pengurusan sekolah, guru, ibu bapa, masyarakat dan juga murid di seluruh Malaysia (PPPM, 2012). Terdapat sebelas anjakan strategik dan operasi dalam transformasi sistem pendidikan negara dan salah satu daripadanya adalah anjakan strategik ke sembilan yang melibatkan perkongsian kerjasama pihak sekolah dengan ibu bapa, masyarakat dan sektor swasta secara menyeluruh.

Antara program di bawah anjakan strategik yang ke sembilan adalah melalui Sarana Ibu Bapa yang telah dibekalkan kepada hampir semua ibu bapa di seluruh Malaysia bagi membantu pembelajaran anak mereka di rumah. Hasil daripada Laporan Awal PPPM 2013-2025 (2012) menunjukkan terdapat beberapa kejayaan dan cabaran yang telah ditempuh sepanjang pelaksanaannya. Hal ini telah menguatkan lagi usaha dan semangat pihak kementerian untuk menambah baik pelaksanaannya dalam beberapa perkara dan salah satu daripadanya adalah komunikasi serta penglibatan yang berterusan antara semua pihak. Ibu bapa akan berkongsi tanggungjawab dengan pihak sekolah dalam usaha meningkatkan pencapaian anak mereka dalam pelbagai bidang.

Pendidikan juga dilihat sebagai salah satu daripada agenda utama dalam pembangunan sesebuah negara di mana pada setiap kali Bajet Tahunan Malaysia dibentang, bidang pendidikan akan mendapat peruntukan yang paling tinggi (KPM, 2014; Hasmori, Sarju, Norihan, Hamzah dan Saud, 2011). Kajian di Amerika Syarikat mendapati setiap nilai dolar yang dilaburkan untuk tujuan pendidikan haruslah mampu memberi pulangan kepada perkembangan sosial kehidupan masyarakatnya mahupun perkembangan ekonomi negara (Mastura, 2013). Justeru itu, usaha melibatkan ibu bapa dalam pembelajaran anak ini menuntut komitmen ramai pihak agar usaha dan bajet yang diperuntukkan memperoleh impak maksima kepada semua pihak terutamanya kepada sistem pendidikan Malaysia.

Semua ibu bapa boleh membantu anak mereka mengenal pasti dan menggilap potensi sepenuhnya dengan melibatkan diri dengan pembelajaran di rumah (Inisiatif Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta: Suatu Inisiatif, PPPM; 2013-2025). Latar belakang sosioekonomi murid dilihat bukan lagi menjadi halangan kepada kejayaan mereka tetapi bergantung kepada kemampuan keluarga murid tersebut untuk menyediakan suasana yang mendorong pembelajaran di rumah serta sokongan motivasi yang berterusan untuk mereka mencapai kejayaan. Pada masa yang sama enam aspirasi murid menjadi tunjang kepada pembentukan jati diri yang

kuat supaya murid mampu bersaing di pasaran global berbekalkan pegangan agama dan mengamalkannya sebagai prinsip asas hidup mereka.

Tanggungjawab mendidik juga bukan lagi menjadi tanggungjawab guru sepenuhnya, tetapi turut membabitkan ibu bapa dan masyarakat setempat termasuklah syarikat swasta, badan kerajaan dan juga organisasi bukan kerajaan. Pihak sekolah haruslah berkongsi tanggungjawab mendidik bersama ibu bapa bagi memastikan pembelajaran berkualiti untuk murid. Mereka juga bertanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa dalam membantu pembelajaran anak-anak supaya proses pembelajaran di sekolah dapat diteruskan di rumah. Guru memainkan peranan profesional mereka sebagai pemudahcara pembelajaran kepada ibu bapa dan masyarakat. Ibu bapa boleh menambah pengetahuan, kemahiran dan keyakinan untuk membantu pembelajaran anak di rumah sekaligus berperanan sebagai rakan sekolah demi meningkatkan keberhasilan anak mereka. Justeru itu, KPM telah mengambil langkah untuk meningkatkan kesedaran betapa pentingnya ibu bapa melibatkan diri dengan aktiviti pembelajaran anak khususnya di rumah melalui pelaksanaan Sarana Ibu Bapa. Bagi mewujudkan dan mengukuhkan lagi pemahaman guru berkenaan program ini, kementerian telah menyediakan latihan berkaitan program penglibatan ibu bapa ini kepada lebih 332 000 (80.2%) guru di 8753 sekolah di seluruh negara (KPM, 2014). Hal ini menunjukkan betapa perlunya kesedaran dan pemahaman jitu pihak sekolah, guru dan ibu bapa akan pentingnya peranan masing-masing untuk bekerjasama dalam mencapai matlamat kejayaan murid yang cemerlang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Persoalan tentang penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak di sekolah mahupun di rumah telah lama diperbincangkan di serata dunia. Kajian peringkat antarabangsa (Program Pentaksiran Murid Antarabangsa 2009) menunjukkan kejayaan seseorang anak bergantung kepada bagaimana ibu bapa meluangkan masa membantu pembelajaran mereka. Hasil daripada sampel jadual waktu murid 2011 KPM menunjukkan murid menghabiskan 52 peratus masa mereka di rumah dan dalam masyarakat, 15 peratus masa mereka berada di sekolah dan selebihnya (33%) masa untuk tidur. Ini menunjukkan bagaimana ibu bapa menggunakan masa bersama anak-anak memberi kesan yang besar ke atas pencapaian dan perkembangan anak mereka. Justeru itu, salah satu inisiatif dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) adalah dengan melibatkan ibu bapa, masyarakat serta sektor swasta dalam pendidikan bagi mencapai matlamat pendidikan negara.

Kurangnya penglibatan ibu bapa dalam membantu pembelajaran anak juga boleh memberi kesan terhadap pencapaian murid (Shaverand dan Walls, 1998; Epstein, 2001). Salah satu sebab berlakunya senario ini adalah faktor kekangan masa dalam kalangan ibu bapa yang kurang peka akan peranan dan tanggungjawab mereka dalam mendidik dan membimbing anak dalam pembelajaran. Anak-anak dibiarkan belajar secara bersendirian di rumah tanpa bimbingan dan pemantauan daripada ibu bapa (Lareau, 2000; Abd. Razak dan Noraini, 2011). Penyataan ini turut disokong

oleh Alma Harris dan Janet Goodall (2008) dalam kajian mereka yang mendapati kesibukan kerja menjadi halangan untuk ibu bapa melibatkan diri dalam pembelajaran anak terutamanya bagi ibu atau bapa tunggal.

Kebanyakan kajian terdahulu lebih menjurus kepada penglibatan ibu bapa di peringkat awal kanak-kanak di peringkat sekolah rendah. Mereka didapati kurang melibatkan diri di peringkat sekolah menengah kerana berpendapat kurikulum pembelajaran di sekolah menengah semakin sukar dan anak-anak mampu berdikari. Ibu bapa lebih banyak memberikan tumpuan kepada anak-anak yang masih kecil dan sedang membesar (Abd. Razak dan Norani, 2011) sedangkan mereka seharusnya memberikan perhatian dan bimbingan ketika anak-anak semakin membesar yang ketika itu memerlukan kekuatan untuk berdikari dan mencari identiti diri. Anak-anak berpendapat mereka lebih memerlukan penglibatan dan sokongan ibu bapa dalam pembelajaran mereka di rumah daripada di sekolah kerana perhatian dan tunjuk ajar daripada guru telah pun mereka perolehi ketika di sekolah. Hal ini bertepatan dengan Teori Bronfenbrenner (1979-1986) yang menyatakan bahawa persekitaran positif keluarga dapat membentuk perkembangan dan pencapaian anak dengan lebih baik serta perkembangan sahsiah yang sihat (Mohd Ismail, Selamat, Azmi Shah, Abd Basit, Abdul Rahman dan Abdul Hafiz, 2004).

Selain daripada itu, kurangnya penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak disebabkan oleh kurangnya pengetahuan dan kemahiran keibubapaan dalam kalangan ibu bapa. Kadangkala, ibu bapa sememangnya mempunyai pengetahuan tetapi tidak mempunyai kemahiran untuk menyampaikannya kepada anak-anak. Tambahan lagi, cabaran dalam mendidik dan membesarkan anak pada masa kini dilihat sangat mencabar dengan pelbagai anasir negatif yang menular dan mencengkam pemikiran generasi muda kini. Sekiranya ibu bapa tidak mempunyai kemahiran atau ilmu yang seiring dengan peredaran masa kini dan ditambah lagi dengan kekangan waktu, maka anak-anak akan lebih berpotensi menjadikan orang lain sebagai model kehidupan berbanding ahli keluarga sendiri. Ini menyebabkan anak-anak lebih mudah terpengaruh dengan budaya dan cara hidup yang salah.

Sungguhpun banyak kajian menunjukkan betapa pentingnya penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak namun masih ramai lagi di luar sana yang mengambil mudah akan tanggungjawab mereka ini. Akhirnya, mereka akan kehilangan peluang untuk mengembangkan bakat dan potensi anak mereka secara maksimum. Hasil daripada kajian antarabangsa PISA 2009 (*Programme For International Student Assessment*) yang dijalankan oleh OECD (*Organisation For Economic Cooperation And Development*) menunjukkan bahawa cara ibu bapa menggunakan masa bersama anak di rumah mempengaruhi kejayaan anak.

Ini dibuktikan lagi dengan hasil kajian oleh Coleman (1998) yang berpendapat :

Komitmen pelajar kepada persekolahan (atau keterikatan dalam pembelajaran) terutamanya dibentuk oleh ibu bapa melalui “kurikulum di rumah”, tetapi penglibatan ibu bapa ini adalah pembolehubah yang dapat diubah dan boleh dipengaruhi oleh sekolah atau amalan guru (hlm 11).

Kini, pelbagai isu sosial sering diperbincangkan dan diperdebatkan khususnya melibatkan generasi muda dan remaja sekolah di Malaysia. Pelbagai pandangan mendapati bahawa masalah sosial hanya dapat diatasi dengan pendidikan agama dan moral. Malah menurut Ramli dan Khairy (2014), ketamadunan manusia sebenarnya amat menekankan soal nilai moral dan keagamaan dan berkait rapat dengan pendidikan. Kebanyakan ibu bapa menyedari bahawa dalam menghadapi zaman yang semakin mencabar dan kompleks seiring dengan kemajuan sains dan teknologi, anak-anak bukan sahaja perlu cemerlang dalam akademik tetapi pendidikan akhlak dan kerohanian juga perlu menjadi tunjang utama dalam diri. Namun demikian, sejauh mana kemampuan mereka dalam menerapkan ilmu agama dan kerohanian ke dalam diri anak-anak turut menjadi persoalannya. Justeru itu, tidak hairanlah demi memberikan pendidikan akademik terbaik untuk anak, ibu bapa juga berusaha untuk mengisi jiwa dan minda mereka dengan ilmu agama dan akhlak yang mulia.

Sejak kebelakangan ini, ibu bapa lebih berminat untuk menghantar anak mereka ke sekolah agama disebabkan oleh tanggungjawab mereka yang semakin berat dalam memastikan kualiti pendidikan agama dan moral yang tinggi bagi anak mereka. Ramli dan Khairy (2014) dalam kajiannya mendapati pendidikan berteraskan agama merupakan satu elemen penting dan mampu memacu kepada pelbagai kejayaan dalam konteks ekonomi, sosial dan politik. Ramai ibu bapa berpendapat, sekolah yang menawarkan pendidikan agama sekurang-kurangnya dapat mengambil alih sebahagian daripada beban dan tanggungjawab mereka dalam pendidikan anak-anak (Ismail, 2001). Maka dengan itu, tidak hairanlah wujudnya pertambahan bilangan sekolah aliran agama pada setiap tahun kerana mendapat permintaan yang tinggi daripada ibu bapa (Jaffary, Rozmi, Kamaruddin dan Hairunnizam, 2008).

Persekitaran sekolah agama telah melaksanakan sistem persekolahan bersepadu yang menggabungkan pengisian agama dan akademik dengan memberikan penekanan kepada pendidikan dan pembelajaran yang berorientasikan tarbiyah Islamiyah, asas fardu ain dan penyerapan proses pembentukan akhlak dalam kehidupan seharian murid (Naemah, Mohd Ismail dan Bushrah, 2015). Kini terdapat hampir 600 buah Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) di seluruh negara yang ditadbir oleh pihak swasta dan badan-badan tertentu. Statistik menunjukkan bilangan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang berdaftar dengan KPM juga meningkat kepada 181 buah di mana bilangan muridnya melebihi 57, 000 orang sehingga Mac 2015 (SPS, KPM). Manakala bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) turut mendapat permintaan yang tinggi sehingga mencecah kepada 57 buah di seluruh

negara ekoran kejayaan cemerlang muridnya dalam pencapaian akademik, kokurikulum dan juga sahsiah (Jaffary et. al, 2008).

Jadual 1.1 : Statistik Enrolmen Murid SABK Dan SMKA Negeri Sembilan Bagi Tahun 2010 – 2015

Bil	Jenis Sek.	Ting.	2010	2011	2012	2013	2014	2015
1	SABK	1	967	924	954	943	982	939
		2	758	859	860	909	927	921
		3	657	699	801	813	862	884
		4	366	310	354	369	398	447
		5	280	351	322	324	369	386
		6R	4	16	29	29	22	37
		6A	5	5	17	23	19	19
Jumlah Keseluruhan			3037	3164	3337	3410	3579	3633
2	SMKA	1	327	269	286	297	307	249
		2	279	286	319	320	292	304
		3	261	274	281	315	304	286
		4	263	256	265	250	264	228
		5	243	269	251	279	253	259
		6R	61	59	53	21	55	54
		6A	28	56	60	45	20	53
Jumlah Keseluruhan			1462	1469	1515	1527	1495	1433
Jum. Murid SABK & SMKA			4499	4633	4852	4937	5074	5066

Sumber : Sektor Pendidikan Islam (SPI), JPNS Oktober 2015.

Salah satu kekuatan kurikulum yang dilaksanakan di SABK dan SMKA yang mendapat perhatian kebanyakan ibu bapa adalah Program SUMUR (Sahsiah Unggul Murid) yang menjadi teras kemenjadian murid. Program yang dicetuskan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein Onn selaku Menteri Pelajaran pada ketika itu telah dilancarkan pada 29 Oktober 2007 oleh pihak KPM dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) serta dimurnikan pengisiannya pada tahun 2008. Matlamat pelaksanaannya dilihat sejajar dengan anjakan ketiga dalam PPPM 2013-2025 yang memberi penekanan untuk "Melahirkan Rakyat Dengan Penghayatan Nilai" (KPM, 2014). Program ini mengandungi empat komponen utama iaitu Program Berbudi Bahasa, Program Mutadayyin, Program Penampilan Diri dan Program Jati Diri. (Indeks Persepsi Murid Terhadap Program SUMUR, 2013).

Dalam institusi keluarga ibu bapalah yang paling rapat dengan anak-anak kerana mereka banyak menyokong perkembangan bahasa, sosial, dan akademik anak-anak. Ibu bapa boleh dianggap sebagai alat paling berkuasa bagi perubahan atau penambahbaikan nilai dalam sesebuah keluarga. Atas dasar kepentingan inilah yang menarik minat penyelidik untuk menjalankan kajian ke atas penglibatan ibu

bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah berdasarkan persepsi anak itu sendiri dalam konteks sosiologi. Kajian ini berfokuskan kepada murid tingkatan empat yang sedang mengikuti sesi persekolahan di SABK di beberapa daerah Negeri Sembilan.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian terdahulu menunjukkan masalah pencapaian akademik murid dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya ialah faktor ibu bapa (Chong, Juliana, Rosmidah, Samsudin, Nurhana, Subhi dan Nor Ba'iah, 2012). Golongan belia atau remaja kurang berminat terhadap akademik sekiranya mereka mempunyai tahap motivasi yang rendah serta tidak mempunyai sokongan yang baik daripada kedua ibu bapa. Setiap ibu bapa mengharapkan anak mereka cemerlang dalam pelbagai aspek khususnya sahsiah dan akademik. Namun, matlamat ini akan menjadi sukar jika ibu bapa tidak menyedari pentingnya mereka melibatkan diri dalam pembelajaran anak khususnya di rumah kerana mereka juga merupakan sumber untuk memberi pendidikan kepada anak. Ibu bapa tetap merupakan guru pertama bagi anak-anak kerana hanya mereka yang lebih mengenali segalanya tentang anak mereka yang tidak ada pada orang lain.

Hasil penyelidikan oleh Azyyati, Fariza dan Salasiah (2013) mendapati bahawa ciri-ciri berisiko yang paling dominan dalam kalangan remaja berisiko ialah mereka yang mempunyai keluarga yang tidak berfungsi, mempunyai latar belakang status sosioekonomi yang rendah (SES) dan tidak mempunyai sokongan daripada individu dan persekitaran yang bertindak sebagai faktor pelindung seperti ibu atau bapa, ahli keluarga, ahli masyarakat, sekolah dan agama yang merupakan asas utama dalam menentukan pola akal dan perlakuan remaja bagi menghindari kemudaratan. Tambahan lagi, adalah menjadi suatu kebimbangan hasil daripada kajian oleh Maznah dan Zakiah (2009) yang mendapati pendidikan kerohanian kini didapati semakin meruncing dan seakan tidak nampak pada anak-anak zaman sekarang. Lebih membimbangkan apabila Mohd Ismail et. al (2004) mendapati 66 peratus daripada 680 orang murid berumur 14 hingga 17 tahun di salah sebuah sekolah agama di Johor mempunyai masalah moral dan agama yang tinggi. Mereka juga menghadapi masalah untuk mempraktikkan amalan agama ketika berada di luar sekolah. Ketinggian ilmu sahaja tidak memadai bagi seseorang jika agama dan akhlaknya rendah. Maka dengan itu, penyelidik sangat berminat untuk menyelidiki fenomena sebenar yang berlaku dan cuba mendapatkan pandangan anak mengenai sejauh mana ibu bapa mereka melibatkan diri dalam menyokong dan membantu aktiviti pembelajaran mereka termasuklah sokongan dan pengisian akhlak serta kerohanian. Hal ini amat penting untuk diketahui demi memastikan berlakunya proses sosialisasi agama iaitu penyerapan dan penghayatan nilai-nilai agama (Jaffary et. al, 2008) yang dipelajari di sekolah berkesinambungan ke rumah dan sebaliknya.

Kebanyakan kajian perkongsian pendidikan terdahulu kurang memberi perhatian terhadap isu penglibatan ibu bapa dalam konteks Malaysia (Suresh Kumar, 2013) dan lebih berfokuskan murid di sekolah rendah atau sekolah menengah bantuan kerajaan. Penyelidik terdahulu jarang menjadikan murid SABK sebagai sampel kajian mereka. Maka, penyelidik berasaskan adalah satu keperluan untuk semua pihak mendengar harapan dan pandangan daripada SABK terutamanya di kalangan murid itu sendiri. Penyelidik yakin, murid-murid ini mempunyai potensi yang baik untuk melangkah lebih jauh dengan sokongan dan bantuan daripada semua pihak. Berdasarkan pengalaman penyelidik dan para pegawai serta pendidik di SABK mendapati kebanyakan daripada mereka datang daripada latar belakang sosioekonomi yang pelbagai dan ada di antara mereka sangat memerlukan perhatian semua pihak. Justeru itu, kajian ini dijangka dapat menyelidiki permasalahan sebenar yang wujud dalam persekitaran keluarga murid dan memberi gambaran sebenar fenomena semasa berkenaan aktiviti pembelajaran murid di rumah bersama keluarga.

Selain daripada itu, umum juga mengetahui bahawa program Sarana Ibu Bapa di bawah PPPM 2013-2025 (KPM, 2013) baru sahaja dilaksanakan pada tahun 2013. Namun demikian, belum ada laporan rasmi yang dibuat berkenaan status penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah. Sementara itu, pihak KPM juga masih lagi dalam usaha mendapatkan maklumat tentang Keberkesanan Buku Sarana Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Murid di beberapa buah negeri. Dalam kajian ini, terdapat empat komponen utama yang diberi perhatian khusus dalam penglibatan ibu bapa di rumah iaitu Penyediaan Suasana Pembelajaran Di Rumah (PSPDR), Interaksi Sosial Anak Dengan Ibu Bapa (ISADIB), Komunikasi Anak Dengan Ibu Bapa (KADIB) dan Sokongan Ibu Bapa Terhadap Kecemerlangan Anak (SIBTKA). Namun demikian, bagi memantapkan kajian daripada keseluruhan aspek pembelajaran dan pendidikan anak di rumah, penyelidik berasaskan perlunya penambahan komponen kelima iaitu Pengisian Akhlak Dan Kerohanian (PADK). Komponen kelima ini sangat penting untuk dilaksanakan oleh ibu bapa di rumah demi memastikan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) yang aplikasikan di semua SMKA dan SABK seluruh Malaysia berkesinambungan di rumah.

Sungguhpun isu penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran dan pendidikan anak ini telah lama dibahaskan namun penyelesaiannya tidak mempunyai titik noktahnya kerana zaman sentiasa berubah dan pendekatan amalannya juga boleh berbeza. Namun asas kepada penglibatan ibu bapa dalam memastikan kejayaan dan kecemerlangan anak masih sama. Pemilihan lima komponen penglibatan ibu bapa dalam kajian ini adalah merujuk kepada beberapa amalan terbaik yang boleh dipraktikkan oleh ibu bapa bagi memastikan matlamat tersebut tercapai. Dalam usaha merealisasikan matlamat tersebut, ibu bapa perlu mewujudkan iklim rumah tangga yang aman dan harmoni, menyediakan kemudahan pembelajaran yang lengkap dan sesuai kepada anak, memberikan motivasi dan sokongan serta memberikan teladan yang baik untuk dicontohi oleh anak, mewujudkan komunikasi dan interaksi sosial yang baik sesama ahli keluarga, memantau perkembangan dan pergaulan anak serta memberikan didikan agama dan moral

secukupnya bagi menangkis segala kemungkiran yang berlaku. Justeru itu, dengan pemilihan lima komponen utama penglibatan ibu bapa dalam kajian ini dilihat sebagai platform terbaik bagi penyelidik untuk menyelidiki fenomena yang berlaku berdasarkan status sosioekonomi keluarga murid di samping mengesan kelompongan penglibatan ibu bapa pada elemen-elemen tertentu.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi murid terhadap penglibatan ibu bapa mereka dalam aktiviti pembelajaran di rumah dan hubungannya dengan pencapaian akademik di SABK Negeri Sembilan. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui tahap penglibatan ibu bapa (PSPDR, ISADIB, KADIB, SIBTKA dan PADK) dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah.
2. Mengetahui tahap pencapaian akademik murid.
3. Mengetahui perbezaan penglibatan ibu bapa mengikut lokasi kediaman.
4. Mengetahui perbezaan penglibatan ibu bapa mengikut taraf pendidikan ibu bapa.
5. Mengetahui perbezaan penglibatan ibu bapa mengikut jumlah pendapatan ibu bapa.
6. Mengetahui perbezaan penglibatan ibu bapa mengikut jenis pekerjaan ibu bapa.
7. Menentukan hubungan antara penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah dengan pencapaian akademik murid.

1.5 Persoalan Kajian

Beberapa soalan kajian telah dibentuk bagi memandu penyelidik agar tidak tersasar dalam penyelidikan ini. Berikut disenaraikan persoalan kajian tersebut :-

1. Adakah tahap penglibatan ibu bapa (PSPDR, ISADIB, KADIB, SIBTKA dan PADK) dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah?
2. Adakah tahap pencapaian akademik murid?
3. Adakah terdapat perbezaan penglibatan ibu bapa mengikut lokasi kediaman?
4. Adakah terdapat perbezaan penglibatan ibu bapa mengikut taraf pendidikan ibu bapa?
5. Adakah terdapat perbezaan penglibatan ibu bapa mengikut jumlah pendapatan ibu bapa?
6. Adakah terdapat perbezaan penglibatan ibu bapa mengikut jenis pekerjaan ibu bapa?
7. Adakah terdapat hubungan antara penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah dengan pencapaian akademik murid?

1.6 Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis-hipotesis Nul yang dibina untuk menjawab objektif kajian ke tiga hingga ke tujuh.

- H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penglibatan ibu bapa mengikut lokasi kediaman.
- H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penglibatan ibu bapa mengikut taraf pendidikan bapa.
- H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penglibatan ibu bapa mengikut taraf pendidikan ibu.
- H₀₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penglibatan ibu bapa mengikut jumlah pendapatan ibu bapa.
- H₀₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penglibatan ibu bapa mengikut jenis pekerjaan bapa.
- H₀₆: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penglibatan ibu bapa mengikut jenis pekerjaan ibu.
- H₀₇: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah dengan pencapaian akademik murid.


1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual digunakan untuk membentangkan satu pendekatan pilihan kepada satu idea atau pemikiran (Fauzi, Jamal dan Mohd Saifoul, 2014). Othman (2001) berpendapat kerangka konseptual kajian mampu memberi gambaran yang lebih jelas aliran hubungan antara pemboleh ubah yang relevan berasaskan teori yang ditetapkan oleh penyelidik dalam bentuk gambar rajah seterusnya disusuli dengan huraian terperinci justifikasi pemilihan pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar. Penyelidik telah menggunakan kerangka konseptual untuk menghuraikan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah berdasarkan kajian literatur yang lepas. Sebarang kelompongan atau jurang dalam kajian-kajian lepas dijadikan asas kepada pembinaan kerangka konseptual ini. Penggunaan kerangka ini juga dapat memandu penyelidik untuk menjalankan kajian berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang ditetapkan di landasan yang betul.

Berdasarkan kepada kerangka konseptual yang dibina, penyelidik ingin meninjau sejauhmana pemboleh ubah bebas iaitu penglibatan ibu bapa mempunyai hubungan ke atas pemboleh ubah bersandar iaitu pencapaian akademik murid. Bagi menjelaskan jenis penglibatan ibu bapa ini, penyelidik telah membahagikan kepada lima komponen utama iaitu PSPDR, ISADIB, KADIB, SIBTKA dan PADK. Jenis

penglibatan ini akan dianalisis untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan dengan pencapaian akademik murid atau sebaliknya.

Penyelidik juga ingin melihat perbezaan penglibatan ibu bapa daripada segi status sosioekonomi yang terdiri daripada lokasi kediaman, taraf pendidikan ibu bapa, jumlah pendapatan ibu bapa dan jenis pekerjaan ibu bapa. Memandangkan kajian ini berkaitan keluarga maka faktor sosioekonomi keluarga yang terdiri daripada pelbagai latar belakang harus diberikan tumpuan. Justeru, pendekatan penyelidik dalam mengambilkira faktor sosioekonomi yang pelbagai ini dapat melihat sejauhmana ibu bapa melibatkan diri dalam membantu aktiviti pembelajaran anak di rumah.



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Persepsi Murid Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Anak Di Rumah Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu platform terbaik untuk melihat tahap penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak berdasarkan lima komponen utama. Gabungan tiga teori yang digunapakai iaitu Teori Penglibatan Ibu Bapa Epstein (1995, 2001), Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1997) dan Falsafah Pendidikan Al-Ghazali (2009) dapat diperkembang dan disesuaikan dengan amalan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah khususnya bagi murid SABK dan murid

beragama Islam amnya. Justeru itu, dapatan kajian ini dapat menyumbang kepada tambahan ilmu berkaitan model penglibatan ibu bapa meliputi PSPDR, ISADIB, KADIB, SIBTKA dan PADK bagi anak remaja berusia 16 tahun terutamanya dalam membekalkan pangkalan pengetahuan untuk menangani perubahan sistem pembelajaran dan budaya sosial murid masa kini.

Kajian penglibatan ibu bapa ini menggunakan instrumen yang diubahsuai daripada Kajian Keberkesanan Buku Sarana Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Murid (Inisiatif Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta Makmal GTP 2.0 September 2012) yang mengandungi empat komponen penting pelaksanaan ibu bapa di rumah iaitu PSPDR, ISADIB, KADIB, dan SIBTKA. Namun demikian, hasil daripada pemerhatian dan pembacaan kajian-kajian terdahulu, penyelidik telah menambah satu lagi komponen penting dalam penglibatan ibu bapa iaitu PADK. Secara tidak langsung, kajian ini dapat menguji keberkesanan instrumen terdahulu dalam konteks baharu dengan adanya penambahan elemen kelima menerusi adaptasi dan ubahsuai bersama instrumen kedua iaitu Indeks Persepsi Murid Terhadap Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) 2013. Penyelidik berharap kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia berkenaan penggunaan komponen-komponen penting yang terdapat dalam Soal Selidik Analisis Kendiri Profil Keterlibatan Ibu Bapa yang menjadi panduan amalan keibubapaan di rumah.

Selain daripada itu, umum mengetahui bahawa Sarana Ibu Bapa baru dilaksanakan pada tahun 2013. Setiap ibu bapa dibekalkan dengan Buku Sarana Ibu Bapa oleh sekolah. Ibu bapa diminta untuk mengenalpasti sejauh mana mereka melibatkan diri dalam membantu pembelajaran anak dan membuat analisis sendiri secara peribadi. Namun demikian, hasil amalan dan tindakan mereka tidak dilaporkan secara formal kepada mana-mana pihak. Justeru itu, kajian ini dijangka dapat mengesan dan memberikan maklumat awal dalam menentukan status penglibatan ibu bapa di bawah pelaksanaan inisiatif ini khususnya di SABK.

Kajian ini diharap dapat menjawab segala persoalan yang diutarakan di samping dapat menampung beberapa kelompongan kajian-kajian terdahulu berkenaan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak di rumah khususnya di sekolah-sekolah agama. Penyelidik juga berharap agar apabila status penglibatan ibu bapa ini telah dikenalpasti, dapatan kajian ini akan menyumbang kepada kajian-kajian lanjutan yang lain berkaitan dengan penglibatan ibu bapa dengan lebih terperinci dalam konteks yang lebih luas dan dalam bidang yang baru.

Dapatan kajian ini juga dijangka dapat memberi informasi dan boleh digunakan oleh penyelidik seterusnya, Jabatan Pendidikan Negeri dan badan-badan tertentu sebagai pangkalan data semasa bagi merangka program sokongan dan penambahbaikan kepada pemantapan pelaksanaan program keibubapaan. Kajian ini juga akan memberi manfaat sepenuhnya kepada pihak sekolah untuk membantu murid dan ibu bapa menyelesaikan masalah penglibatan ibu bapa dengan merangka

strategi dan bantuan sokongan yang bersesuaian di samping mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dalam sesebuah keluarga dan komitmen bersama sekolah dapat dipertingkatkan.

1.9 Skop dan Batasan Kajian

Kajian tinjauan ini menggunakan borang soal selidik sepenuhnya. Skop kajian melibatkan pandangan murid tingkatan empat mengenai penglibatan ibu bapa ataupun penjaga mereka dalam aktiviti pembelajaran di rumah merujuk kepada komponen PSPDR, ISADIB, KADIB, SIBTKA dan PADK. Sungguhpun terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik murid, namun penyelidik hanya melihat hubungan pencapaian akademik mereka dengan lima komponen penglibatan ibu bapa serta status sosioekonomi yang dinyatakan sahaja dalam kalangan murid SABK.

Bagi sampel kajian, penyelidik telah memilih murid tingkatan empat yang bersekolah di lima buah SABK di Negeri Sembilan iaitu SMA Dato' Klana Petra Maamor (Seremban), SMA Teluk Kemang (Port Dickson), SMA Haji Muhamad (Jempol), SMA Rantau (Seremban) dan SMA Rembau (Rembau). Pemilihan murid tingkatan empat adalah wajar dan bersesuaian kerana menurut pakar psikologi, remaja berumur 16 tahun dikategorikan telah matang dan mampu berfikir serta menjawab soal selidik dengan baik. Pendapat tersebut juga disokong oleh Erikson (1902-1994) yang terkenal dengan teori psikososialnya yang menjelaskan bahawa pada peringkat umur 12 hingga 18 tahun, seseorang individu berusaha mewujudkan identiti dan persepsi sendiri terhadap dunia mereka demi mendapatkan kestabilan diri dalam masyarakat (Kamarudin, 2010). Selain daripada itu, pemilihan murid tingkatan empat ini juga adalah kerana pencapaian akademik murid mudah diukur berdasarkan keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) yang bersifat *standard* dari segi soalan.

1.10 Definisi Konseptual Dan Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk menerangkan maksud yang sesuai. Berikut dinyatakan definisi konseptual dan operasional yang digunakan dalam kajian ini.

1.10.1 Persepsi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), persepsi adalah satu gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), dan tanggapan. Dalam kajian ini, persepsi merupakan tanggapan atau pandangan murid tingkatan empat SABK terhadap penglibatan ibu bapa mereka dalam membantu dan menyokong aktiviti pembelajaran mereka di rumah dan perkaitannya dengan pencapaian akademik mereka.

1.10.2 Penglibatan Ibu Bapa

Penglibatan ibu bapa merujuk kepada peranan mereka dalam pembelajaran anak-anak sama ada hadir ke sekolah, mewujudkan hubungan komunikasi dengan guru-guru atau membantu tugas sekolah anak-anak di rumah (Epstein, 2001).

Dalam kajian ini, penglibatan ibu bapa diukur menggunakan instrumen kajian berupa soal selidik yang telah diubahsuai daripada Kajian Keberkesanan Buku Sarana Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Murid dan Indeks Persepsi Murid Terhadap Program Sahsiah Unggul Murid 2013. Penglibatan ibu bapa ini juga merujuk kepada sejauh mana tahap komitmen dan sokongan yang diberikan oleh ibu bapa ataupun penjaga dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah. Aktiviti tersebut merangkumi penyediaan suasana pembelajaran di rumah, interaksi dan komunikasi mereka dengan anak, memberi sokongan terhadap kecemerlangan anak dan mendidik serta membimbing mereka dalam pengisian akhlak dan kerohanian.

1.10.3 Aktiviti Pembelajaran

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan pembelajaran adalah suatu proses atau kegiatan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, kepandaian atau latihan. Pembelajaran merupakan semua perubahan atau penyesuaian semula tingkah laku manusia akibat latihan dan pemerolehan pengalaman daripada persekitaran (Kamarudin, 2010).

Dalam kajian ini, aktiviti pembelajaran merupakan sebarang proses atau aktiviti mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran oleh anak secara sendirian atau dibantu oleh ibu bapa di rumah. Aktiviti-aktiviti tersebut merangkumi lima komponen penglibatan ibu bapa iaitu penyediaan suasana pembelajaran di rumah, interaksi dan komunikasi mereka dengan anak, memberi sokongan terhadap kecemerlangan anak dan mendidik serta membimbing mereka dalam pengisian akhlak dan kerohanian. Bagi mengukur tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah ini, penyelidik telah menggunakan soal selidik yang telah diubahsuai daripada Kajian Keberkesanan Buku Sarana Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Murid dan Indeks Persepsi Murid Terhadap Program Sahsiah Unggul Murid 2013 sebagai instrumen kajian.

1.10.4 Status Sosioekonomi

Latar belakang status sosioekonomi merangkumi aspek bilangan ahli keluarga, pekerjaan dan pendapatan ibu bapa, serta aspirasi sesebuah keluarga yang kebiasaannya dikaitkan dengan teras sosial dan ekonomi keluarga tersebut (Mohamad, Misnan dan Bhasah, 2009).

Dalam kajian ini, status sosioekonomi merujuk kepada latar belakang keluarga murid daripada segi lokasi kediaman, taraf pendidikan tertinggi ibu bapa, jumlah pendapatan keluarga serta jenis pekerjaan ibu bapa. Demografik keluarga digunakan bagi melihat perkaitan antara latar belakang keluarga dengan individu yang dikaji serta merupakan asas kepada penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah.

1.10.5 Pencapaian Akademik Murid

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pencapaian merujuk kepada apa yang telah dicapai (dihasilkan atau diperolehi) atau prestasi. Manakala akademik pula bersifat mengandungi ilmu pengetahuan (yang tinggi atau mendalam). Secara operasionalnya, pencapaian akademik bermaksud keupayaan murid mendapatkan keputusan dalam peperiksaan dan penilaian yang merupakan pentaksiran sumatif untuk menilai pencapaian akademik murid pada peringkat menengah rendah iaitu Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) 2014. Kesemua penilaian markah direkodkan dan dikategorikan mengikut gred pemarkahan A, B, C, D, E dan F. Bagi kajian ini, murid perlu menyatakan bilangan kesemua gred (A, B, C, D, E dan F) bagi sembilan subjek (11 penilaian) yang diperolehi dalam penilaian tersebut. Gred-gred ini akan dinilai berdasarkan nilai mata yang diberi seperti berikut :

Jadual 1.2 : Interpretasi Nilai Bagi Gred PT3

Gred	Keterangan	Nilai
A	Cemerlang	6
B	Kepujian	5
C	Baik	4
D	Memuaskan	3
E	Mencapai Tahap Minimum	2
F	Belum Mencapai Tahap Minimum	1

Bagi memudahkan penyelidik membuat penganalisan, setiap bilangan gred yang diperolehi bagi setiap responden akan didarabkan dengan nilai yang ditetapkan dalam Jadual 1.2. Pencapaian akademik (PT3) responden akan ditentukan berdasarkan jumlah markah yang diperolehi seperti berikut :-

Jadual 1.3 : Penentuan Tahap Pencapaian Akademik Murid Berdasarkan Keputusan PT3 2014

Jumlah Markah	Tahap
11 – 27	Lemah
28 - 46	Sederhana
47 - 55	Kepujian
56 - 66	Cemerlang

Penentuan tahap pencapaian akademik adalah berdasarkan kriteria pemilihan murid ke sekolah-sekolah tertentu di Malaysia di mana murid cemerlang memperoleh jumlah gred mata pelajaran sekurang-kurangnya 6A dan selebihnya B. Murid-murid ini ditawarkan mengikuti pengajian di Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMKA). Manakala syarat untuk mengikuti sesi persekolahan di SABK bagi tingkatan empat adalah semua murid memperoleh sekurang-kurangnya 2A tanpa gred E dan dikategorikan dalam kumpulan Kepujian dan Sederhana.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan latar belakang dan permasalahan kajian yang menjadi objektif dan persoalan kepada penyelidik untuk terus meneroka fenomena ini secara statistik. Hasil kajian ini dapat dijadikan asas kepada sumbangan atau kepentingan kepada kajian akademik. Kerangka konseptual kajian telah diperincikan bagi menjelaskan segala pembolehubah bebas iaitu lima komponen penglibatan ibu bapa yang menjadi landasan kajian ini berdasarkan perspektif murid terhadap pencapaian akademik mereka di SABK.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Razak Zakaria (2011). *Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dan Konteks Keluarga Dengan Pencapaian Akademik Murid*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Abd. Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh (2011). Konteks Keluarga Dan Hubungannya Dengan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-Anak Di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 35-44.
- Adelodun, G.A. (2013). Parental Involvement As A Determinant Of Academic Performance Of Gifted Underachieving Students In Akinyele Local Government Area Of Oyo State. *Journal of Education and Practice*, 4(17).
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasini Ad-Dimasqi (2009). *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin. Hak Milik Muslim Imam Al-Ghazali*. Shah Alam : Illusion Network.
- Ali Hasan Az-Zhecolany (2013). *Kesalahan Ibu Bapa Yang Menyebabkan Anak Tidak Soleh (Cetakan Pertama.)* Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product Sdn. Bhd.
- Alma Harris & Janet Goodall (2008). Do Parents Know They Matter ? Engaging All Parents In Learning. *Educational Research*, 50(3), 277–289.
- Amla Salleh, Zahara Aziz, Zuria Mahmud & Abd. Aziz Mahayuddin (2010). Peranan Bapa Dalam Pembangunan Sahsiah Remaja Dan Implikasinya Terhadap Nilai Kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 9-17.
- Anas Alam Faizi (2013). *Memupuk Budaya Membaca Ke Arah Kecemerlangan Negara*. Diakses : <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2013/01/03/memupuk-budaya-membaca-ke-arah-kecemerlangan-negara/>. (20 Jun 2016).
- Anniz Fazli Ibrahim Bajunid, Mohamad Yusuf Aliaas & Ramli Abdullah (2012). Stories Untold: The Street Children Of Chow Kit – An Architectural Intervention. *Asian Journal Of Environment-Behaviour Studies*, 3(9), 75-89.
- Anuar Ahmad & Norhaidawati (2015). *Persekitaran Keluarga Dan Kesannnya Terhadap Pendidikan Anak-Anak Jalanan: Kajian Kes Di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur*. Diakses : <https://www.academia.edu/10503573/>. (20 Jun 2016).
- Ariful Haq Kabir & Farjana Akter (2014). Parental Involvement In The Secondary Schools In Bangladesh: Challenges And A Way Forward. *International Journal Of Whole Schooling*, 10(2) 1-18.

- Asmawati Suhid (2005). Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam Bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 6, 95-104.
- Arnold, D.H., Zeljo, A., & Doctoroff, G. L. (2008). Parent Involvement In Preschool: Predictors And The Relation Of Involvement To Prelitery Development. *School Psychology Review*, 37(1), 74-90.
- Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri (2005). *Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon & Mohd Fadzli Abu Bakar (2007). Pendidikan Agama, Keseimbangan Kognitif Dan Tingkah Laku Positif Di Kalangan Pelajar Darjah Khas Sekolah Agama Di Johor Bahru. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1-19.
- Azizi Yahaya (2008). Keluarga dalam Pembentukan Moral . *Journal Of Science & Mathematics Education*, 1-38.
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah (2013). Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. Risk Teens Features : A Literature Review. *Islamiyyat*, 35(1), 111 - 119.
- Badrulzaman Baharom (2006). *Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja Di Daerah Pontian, Johor*. Tesis Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan). Universiti Teknologi Malaysia.
- Bicer, A., Capraro, M.M., & Capraro, R.M. (2009). The Effects of Parent's SES and Education Level On Students' Mathematics Achievement : Examining the Mediation Effects of Parental Expectations and Parental Communication. *The Online Journal Of New Horizonslin Education*, 3(4), 89-97.
- Chong, T.S., Juliana Rosmidah, Samsudin A.Rahman, Nurhana Zainal, Subhi, N., & Nor Ba' Yah Abdul Kadir (2012). Motivasi Diri Dan Dorongan Ibu Bapa Terhadap Minat Akademik Belia. *Journal of Sciences and Humanities*, 7(1), 26-33.
- Che Hasniza Che Noh (2011). Hubungan Empati Dan Penghargaan Kendiri Ibu Bapa Dengan Gaya Keibubapaan. *Jurnal Kemanusiaan*, 17, 66 – 79.
- Chela Chin (2005). *A Case Study On Parents' Involvement In Children's Education*. Projek Akhir Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Malaysia Sarawak.
- Chong, S.T, Juliana Rosmidah Jaafar, Samsudin A. Rahim, Nurhana Zainal, Subhi, N., Nor Ba' yah Abdur Kadir. (2012). Motivasi Diri dan Dorongan Ibu Bapa Terhadap Minat Akademik Belia. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 7(1), 026-033.

- Chua, Y.P. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur : McGraw Hill Education Sdn. Bhd.
- Chua, B.S., Ferlis Bullare @ Bahari & Jasmine Adela Mutang (2014). *SPSS Prinsip Dan Analisis Data Dalam Sains Tingkah Laku* (Cetakan Ke-3). Universiti Malaysia Sabah.
- Cohen, L., & Manion, L. (1996). *Research Methods in Education*. London: Routledge.
- Coleman, P. (1998). *Parent, Student and Teacher Collaboration : The Power of Three*. Thousand Oaks, Calif : Corwin Press.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational Research. Planning , Conducting And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. (Edisi ke-3). New Jersey : Pearson Education Inc.
- Cristine Seda (2007). Parental Involvement Unlocks Children's Educational Potential. Cleveland State University. *Essays In Education*, 19.
- Crosnoe, R. (2010). *Generation Strategies And Involving Immigrant Parents in Children's Education*. Prepared Paper For Young Children in Immigrant Families and The Path to Educational Success Roundtable meeting At The Urban Institute, June 28, 2010. University of Texas at Austin.
- Demir Ibrahim, Serpil Kılıc, & Hassan Unal (2010). Effects Of Students' And Schools' Characteristics On Mathematics Achievement: Findings From PISA 2006. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 2, 3099–3103.
- Eaves, S.H. (2007). *Attachment Style, Self Esteem And Perceived Peer Norms As Predictors Of Sexually Risky Behavior Among 17-24 Year Old College Students*. Ph.D Thesis. Mississippi State University.
- E. Nihal (2014). Final Year Faculty Of Education Students' Views Concerning Parent Involvement. *Educational Sciences: Theory & Practice*, 14(4), 1352-1361.
- Erlendsdóttir, Guðlaug (2010). *Effects Of Parental Involvement In Education A Case Study In Namibia*. M.Ed. Thesis. University of Iceland School of Education.
- Epstein, J.L. (2001). *School, Family, And Community Partnerships. Preparing Educators And Improving Schools*. Colorado, USA : Westview Press 2001.
- Faridah Abu Hassan, Naimah Ishak, Hamidah Yusof & Habibah Abdul Rahim (2005). Kemiskinan Dan Pendidikan : Perubahan Minda Orang Melayu Ke Arah Kecemerlangan Pendidikan Akademik. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*. 7, 25-56.

- Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisi Data SPSS* : Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Fullan, M. (2011). *Makna Baharu Perubahan Pendidikan : The New Meaning of Educational Change*. (Mastuti & Aziah Salleh, Trans). Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Gay, L.R. (1992). *Educational Research: Competencies For Analysis And Application*. New York : Merrill Cop.
- Guolaugh Erlendsdottir (2010). *Effects Of Parental Involvement In Education : A Case Study In Namibia*. M.Ed. Thesis, University Of Iceland.
- Hafiz Bahar (2008). *Pengaruh Pendidikan Agama Islam Terhadap Pembentukan Akhlak Siswa Di SMA Darussalam Cimanggis Ciputat*. Tesis Sarjana Pendidikan Islam. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Hasmori, A. A., Sarju, H., Norihan, I.S, Hazah, R., Saud, M.S. (2011). Pendidikan, Kurikulum Dan Masyarakat : Satu Integrasi. *Journal of Edupres*, 1, 350-356.
- Henderson, A. & Berla, N. (1994). *A New Generation of Evidence: The Family is Critical To Student Achievement*. Washington, DC: Center For Law And Education.
- Herrell, P.O. (2011). *Parental Involvement : Parents Perceptions And Teacher Perceptions*. Ph.D Dissertation, East Tennessee State University.
- Houtenville, A., & Conway, K. (2008). Parental Effort, Schools Resources And Student Achievement. *Journal of Human Resources*, 43, 437-453.
- Hui, Grace C.H & Mason, K.L. (2005). *Motivations Of Parental Involvement In Children's Learning: Voices From Urban African American Families Of Preschoolers*. Department of Teacher Education. College of Education And Human Services, Cleveland State University, Cleveland, Ohio.
- Ismail Ibrahim (2001). *Aliran Agama Jejaskan Bidang Sains*. (Editorial). Utusan Malaysia. (13 Mei 2011)
- Jaffary Awang, Rozmi Ismail, Kamaruddin Salleh & Hairunnizam Wahid (2008). *Sosiolisasi Agama di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Agama Di Selangor*. National Seminar Science, Technology and Social Science 2008. Penyelidikan di Bawah Program Malim Sarjana DAMAI di ATMA, UKM.
- John W. Cresswell (2003), *Research Design, Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches Second Edition*. University of Nebraska, Lincoln: SAGE Publications.
- Kamus Dewan. (4th ed.) (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamarudin Husin (2010). *Psikologi Pembelajaran. Reka Bentuk Pembelajaran Yang Berkesan, Bermakna dan Penuh Dengan Keseronokan*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Mohd Yusof (2014). *Panduan Mendidik Anak Menurut Imam Al-Ghazali*. Diakses : <http://researchgate.net/publication/237078832> (13/2/2017).
- Kamarul Shukri Mat Teh (2010). Hubungan Status Sosioekonomi Dengan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pendidikan*, 30, 31-61.
- Kathleen V. Hoover-Dempsey & Howard M. Sandler (1997). Why Do Parents Become Involved In Their Children's Education? Vanderbilt University. Review of *Educational Research Spring*, 67(1), 3-42.
- Kay Russell & Sue Granville. (2005). The Scottish Government Riaghaltas na-Alba. *Parents' Views on Improving Parental Involvement in Children's Education*. George Street Research, Scotland. Diakses : <http://www.gov.scot/Publications/2005/03/20759/53614>. (8/2/2016).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Laporan Tahunan 2013 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Putrajaya, Malaysia.
- Khadijah Abdul Razak & Sabariah Yusof (2014). Hubungan Didikan Agama Ibu Bapa Dan Amalan Beragama Murid Sekolah Menengah Di Pantai Timur Sabah. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 "Transformasi Masyarakat Melalui Pendidikan Islam"*. Fakulti Pendidikan UKM dan JHEAIS. (ms. 867-879).
- Khairani Zakaria (2012). Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam Al-Ghazali : Aplikasinya Dalam Program Tarbiah Sekolah-Sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah, Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 2(1), 79-94.
- Khairiah Sulaiman (2014). *Amalan-Amalan Islam Dan Kesannya Terhadap Pelajar Aliran Agama : Kajian Di Sekolah Menengah Agama Parit Raja Batu Pahat, Johor*. Kertas Projek untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Open University Malaysia.
- Knollman, M., & Wild, E. (2007). Quality Of Parental Support And Students' Emotions During Homework: Moderating Effects of Students' Motivational Orientations. *European Journal of Psychology of Education*, 22, 63-76.
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (2012), KPM Sarana Ibu Bapa (2012), KPM
- Lareau, A. (2000). *Home advantage: Social Class and Parental Intervention in Elementary Education*, Lanham, MD: Roman & Littlefield.

- Lay, Y.F., & Khoo, C.H. (2013). *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mastura Badzis (2013). *Pendidikan Anak-Anak di Peringkat Awal Umur Berasaskan Binaan Kurikulum Yang Integratif*. Diakses : <http://www.mindamadani.my/content.html>. (20/2/2016)
- Maznah Ali & Zakiah Zakaria (2009). *Persediaan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Rohani Terhadap Anak-Anak : Kajian Di Taman Batu Permai, Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pendidikan Islam). Universiti Teknologi Malaysia.
- Merchant, G.J., Paulson, S.E., & Rothlisberg, B.A. (2001). Relationship of Middle School Students' Perceptions of Family and School Context With Academic Achievement. *Psychology In The Schools*, 38, 505-519.
- Milina Petrović. (1996). *Family-School Partnership Models*. Diakses : www.promente.org/ESP2-reg-lit-full.pdf (15/3/2017).
- Mohd Asri Zainul Abidin (2012). *Minda Tajdid : Maaf Anakku! Mereka Tidak Mesra Denganmu*. Diakses : <http://drmaza.com/home/?p=1753>. (19/11/2016).
- Mohamad Johdi Salleh (2009). Kajian Terhadap Kesedaran Pendidikan di Kalangan Masyarakat Orang Asli. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009*. University Malaysia of Sabah. 3 - 5 February 2009.
- Mohamad Johdi Salleh, Che Noraini Hashim, Ismael Hassanaen & Amir Hassan Dawi (2009). *Bridging Words : Making Connections In Education*. Status Sosio Ekonomi dan Komitmen Ibu Bapa Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Penilaian Menengah Rendah, Malaysia. *14th International Conference on Education*. Sultan Hassanah Bolkiah Institute of Education: University Brunei Darussalam.
- Mohamad Sofee (2009). *Budaya Membaca Trend Negara Maju*. © Utusan Melayu (M) Bhd. Diakses : http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0421&sec=Rencana&pg=re_05.htm#ixzz4WqF1piVo. (26 Januari 2017).
- Mohd Fahmi, Mohamed Sharif & Roslee (2008). Penglibatan Ibu Bapa Dalam Membantu membuat Kerja Rumah (Matematik) Di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua. Satu Tinjauan Di Sebuah Sekolah Menengah Di Daerah Muar. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains Dan Matematik*.
- Mohd Ismail, Selamat, Azmi Shah, Abd Basit, Abdul Rahman & Abdul Hafiz (2004). *Kajian Sahsiah Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang, Johor*. Pusat Pengajian Islam dan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

- Mohd Izham Mohd Hamzah & Hawati Hasan (2016). Penglibatan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Terhadap Pencapaian Akademik *Pelajar di Zon Bandar Muar*. *ejournal.unri.ac.id/index.php/ISRE/article/view/3050*
- Mohd. Kamil Abd. Majid (1990). *Tokoh-tokoh Pemikir Dakwah*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Nasir, Misnan & Haji Bhasah (2009). *Kajian Keperluan Pelajar Sekolah Menengah : Satu Kajian Kes Di Hilir Perak*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Diakses : <https://www.scribd.com/doc/170049280/Kajian-Keperluan-Pelajar-Sekolah-Menengah>. (30/2/2017).
- Mok, S.S. (2011). *Pedagogi Untuk Pengajaran & Pembelajaran*. (Edisi Kedua). Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, hlm 179.
- Mudassir Ibrahim Usaini & Norsuhaily (2015). The Impact of Parents' Occupation On Academic Performance of Secondary School Students In Kuala Terenggan. *Multilingual Academic Journal Of Education And Social Sciences* 2015, 3(1), 2308-0876.
- Naemah Hamzah, Mohd Ismail Mustari & Bushrah Basiron . (2015) Model Pendidikan Kerohanian Terhadap Anak-anak Dalam Kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam. *Global Journal Al-Thaqafah*. 5(1), 105-117.
- Nick Moon & Claire Ivins (2004). *Parental Involvement in Children's Education*. Department For Education And Skills, United Kingdom.
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia : Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Norlizah Che Hassan (2014). *Dinamika Kendiri Remaja*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Normala Zulkifli, Shahrul Nizam Abdul Aziz & Norimah Rambeli@Ramli (2015). Impak Status Sosio-Ekonomi Keluarga Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Subjek Ekonomi Asas. *International Conference On Postgraduate Research*. 1- 2 December 2015,
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric Theory* (2nd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Osamha M. Obeidat & Suha M. Al-Hassan (2009). School-Parent-Community Partnerships: The Experience Of Teachers Who Received The Queen Rania Award For Excellence In Education In The Hashemite Kingdom Of Jordan. *The School Community Journal*, 19(1), 119-136.

- Othman Mohamed. (2001). *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Othman Talib. (2010). Menguji Kenormalan Data. Diakses : <http://drotspss.blogspot.my/2010/11/>. (20/11/2015)
- Othman Talib . (2011). Mana Satu Penentuan Saiz. Diakses : <http://drotspss.blogspot.my/>. (20/11/2015)
- Przemyslaw Biecek (2012). *PISA in Focus – 2014/02 (February)*. Diakses : [https://www.oecd.org/pisa/pisaproducts/pisainfocus/PISA-in-Focus-N36-\(eng\)-FINAL.pdf](https://www.oecd.org/pisa/pisaproducts/pisainfocus/PISA-in-Focus-N36-(eng)-FINAL.pdf). (15/12/2016).
- Ramli Saadon & Khairy Arifin (2014). Pertembungan Pendidikan Agama dan Sekular di Malaysia(1874-1957). *Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-10*. Wisma Majlis Agama Islam Sabah. 15-16 Disember 2014.
- Radziah Taris , Muhammad Hussin (2013). *Sosioekonomi Keluarga, Motivasi Ekstrinsik Dan Kebolehan Membaca Murid Pemulihan Khas*. Seminar Internasional Pasca Siswazah Pendidikan Khas UNJ-UKM-UPI Siri 3/2013.
- Rohaya Hashim & Ruhani Mat Min (2011). Pelajar Melanggar Disiplin Sekolah : Kaitan Interaksi Keluarga Terhadap Konsep Kendiri. *Jurnal Kemanusiaan*, 18, 1675-1930.
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abidin, Azimi Hamzah & Fathiyah Fakhrudin (2013). *Hubungan Pendidikan Keagamaan Oleh Ibu Bapa Dan Pertautan Rakan Sebaya Dengan Akhlak Belia Di Institut Pengajian Awam Terpilih Di Selangor*. Institute For Youth Research Malaysia. Diakses : http://www.iyres.gov.my/index.php?option=com_content&view=rticle&id=942:&catid=162:&Itemid=293&lang=en. (5/6/2016).
- Rosmawati (2011). Taburan Normal. Diakses : <https://rosma212.wordpress.com/2011/05/16/>. (20/10/2015).
- Salasiah Hanin, Ermy Azziaty, Rosmawati & Zainab (2012) Perkaitan Amalan Spiritual Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 4 (2), 51-60.
- Sharifah Nur Abu. (2009). Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak. *Transformasi Penyelidikan Dalam Bidang Pengajian Islam*. Cetakan Pertama 2012. Universiti Malaya.
- Shaverand, A. V., & Walls, R. T (1998). Effect Of Title 1, Parental Involvement On Student Reading And Mathematics Achievement. *Journal of Research and Development in Education*, 31(2), 91-97.
- Smith, J.G. (2006). Parental Involvement in Education Among Low- Income Families : A Case Study. *The School Community Journal*, 16(1), 43–56.

- Suha M. Al-Hassan, Osama M.Obeidat & Lansford, J.E. (2009). Education Reform And The Quality Of Kindergartens In Jordan. *Journal Early Child Development and Care*, 180(9), 1203–1213.
- Suresh Kumar N Vellymalay (2013). Relationship Between Malays' Parent Sosioeconomics Status And Their Involvement in Their Childrens' Education At Home. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(1), 98–108.
- Suresh Kumar N Vellymalay (2014). Pengaruh Sosioekonomi Ke Atas Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak Di Rumah : Satu Perbandingan Antara Murid Berpencapaian Tinggi dan Murid Berpencapaian Rendah. Malaysia Citation Center. *My Jurnal SARJANA*, 29(2), 56-73.
- Tam, V.C., & Chan, R. M. (2009). Parental Involvement In Primary Children's Homework In Hong Kong. *The School Community Journal*, 19(2), 81–100.
- Tan, S. C., & Rosnah Sutan (2013). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penghargaan Kendiri Remaja Sekolah Menengah Daerah Melaka Tengan. *Journal Of Social Sciences And Humanites*, 8(1), 020-029.
- Uma Sekaran. (2003). *Research Methods For Business, A Skill Building Approach*. (Second Edition). New York : John Wiley & Sons, Inc.
- United States Department of Education. (2004). *Parental Involvement: Title I, Part A Nonregulatory Guidance*. Diakses : www2.ed.gov/programs/titleiparta. (20/2/2016)
- United States Department Of Education (2010). *A Blueprint For Reform: The Reauthorization Of The Elementary And Secondary Education Act. Families And Communities*. Diakses : <http://www2.ed.gov/policy/elsec/leg/blueprint/index.html>. (16/8/2016).
- Wan Sofiah Meor Osman (2007). Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-Anak Kaum Penan Di Hilir Tinjar, Baram, Sarawak. *Sarawak Museum Journal Special Issue*, 7(14).
- Yee Pui Leng (2005). *Perkaitan Antara Faktor-faktor Keluarga Dengan Aktiviti-Aktiviti Bimbingan Dan Kaunseling Terhadap pencapaian Akademik Pelajar : Satu Kajian Kes*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Malaysia Sarawak.
- Yeo, K.J., & Nurulain Isa (2010). *Hubungan Antara Kerja Rumah Dengan Pencapaian Akademik Dalam Pelajar Tingkatan Empat*. Universiti Teknologi Malaysia. Diakses : <http://eprints.utm.my/> (20/1/2017).
- Zahiah Kassim (2011). *Kompetensi Kecerdasan Sosial Dan Hubungannya Dengan Perspektif Transisi Persekolahan Pelajar Orang Asli*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zainudin & Norazmah (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal Of Education Psychology & Counseling*, 1, 115-140.

Zulkifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad, Ismi Arif Ismail (2011), Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa Dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin Di Negeri Selangor, UPM, *Journal of Islamic and Arabic Education*. 3(2) , 2011 31-40.

Kementerian Pendidikan Malaysia. *Inisiatif Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta, Makmal GTP 2.0*, 2012. Diakses : http://www.moe.gov.my/cms/upload_files/articlefile/2013/articlefile_file_003107.pdf. (3/2/2016).

Australian Government. Department of Education and Training. Diakses : <https://www.studentsfirst.gov.au/engaging-parents-education>. (1/2/2016).

US Department of Education. Progress of America's Children. Diakses : <http://www.ed.gov/priorities?src=rn>. (1/2/2016)

Penglibatan Ibu Bapa Penting (2012). Diakses : http://1.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20120723/pe_01. (20/2/2016)